# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM), SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

BERKUATKUASA 13 JUN 2021

Dikemaskini pada 11 Jun 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan **keluar dan masuk perkhidmatan perlu** sahaja
- Mendapatkan **rawatan kesihatan dan kecemasan**

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan di dalam kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**

## Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342**;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342.**

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Terlibat** | **Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah** |
| **Tempoh Kuatkuasa** | **13 Jun 2021, jam 12.00 pagi sehingga 26 Jun 2021, jam 11.59 malam** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. **Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup** dan dikawal kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan keluar/masuk dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Pergerakan keluar/masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan berdasarkan ***case to case basis.***<br>• Semua pelajar/penghuni asrama di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari asrama masing-masing.<br>• Tetamu atau pelawat luar **TIDAK DIBENARKAN** masuk sepanjang tempoh PKPD.<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian dalam kawasan kampus seperti bekalan bahan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan dengan kebenaran PDRM dan KKM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (contohnya *Food Panda, Grab Food,* dsb) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD. |
| **Saluran Makanan dan Barang Keperluan Asas** | • Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh pihak Pengurusan UUM dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah. Sumbangan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah. |
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPD** | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat selain Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• **MANA-MANA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.** |